

Lawatan Mahathir ke Sabah jadi perbualan hangat

5 JAN 1988

KOTA KINABALU 4 Jan. — Lawatan Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad ke Sabah yang dijangka pada awal tahun ini, telah menjadi isu perbualan hangat di negeri di bawah bayu itu. Beberapa buah akhbar utama tempatan memperdebatkan lawatan tersebut beberapa hari ini hinggakan tarikh lawatan beliau juga menjadi tandatanya serta ramalan ramai. Akhbar Harian Ekpres ada melaporkan bahawa Perdana Menteri akan melawat Sabah selama seminggu mulai 11 Januari ini. Bagaimanapun, beberapa buah akhbar lain memetik kenyataan jurucakap bahagian protokol Pejabat Ketua-Menteri yang menjelaskan, tarikh lawatan Perdana Menteri belum dapat dipastikan lagi kerana pihak kerajaan

Dari Badrul Azhar Rahman

negeri masih merangka programnya. Menurut jurucakap itu, lawatan tersebut adalah atas jemputan kerajaan negeri dan tarikhnya tidak ditetapkan lagi sama ada bulan ini atau bulan depan. Beliau menafikan kebenaran laporan yang menyatakan bahawa lawatan itu akan bermula pada 11 Januari ini. Bagaimanapun, akhbar Harian Ekpres keluaran 4 Januari, menyiarkan berita lawatan Perdana Menteri sebagai berita utama di muka depan akhbar tersebut. Akhbar itu memetik kenyataan Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Jamalul Khalil yang menjelaskan bahawa Datuk Sri Dr. Mahathir akan tetap melawat Sabah tetani

tarikhnya belum ditetapkan. Menurut Datuk Jamalul, agenda lawatan itu masih belum ditetapkan walaupun beberapa mesyuarat sudah dijalankan. Beliau juga menjelaskan, tarikh lawatan bergantung

kepada keselesaan Perdana Menteri dan kerajaan negeri.

Walaupun begitu seorang pegawai kanan kerajaan negeri memberitahu, Datuk Sri Dr. Mahathir telah menyatakan hasratnya untuk melawat Sabah dalam tempoh bulan Januari ini.

Ketua Menteri, Datuk Joseph Pairin Kitingan baru-baru ini ada menyatakan perkara yang sama bahawa Perdana Menteri mungkin melawat pada bulan ini.

Bagaimanapun, para pemerhati politik mengaitkan lawatan itu dengan keadaan politik di Sabah yang kononnya dikatakan bergolak kembali ekoran dari perkembangan sejak akhir-akhir ini.

Keresahan timbul berikutan dari tindakan beberapa pihak yang membuat aduan polis tentang beberapa pemimpin negeri yang melakukan penyelewengan khususnya untuk kepentingan sendiri. Aduan yang terakhir adalah terhadap Yang Dipertua Majlis Hal Ehwal Agama Islam Sabah, Datuk Haji Abdul Wahid Othman yang didakwa telah menyalahgunakan kuasa. Mereka berpendapat bahawa lawatan pada kali ini adalah penting dan akan membawa penuh makna khususnya dalam keadaan pada masa kini.

Bagaimanapun, pegawai kanan kerajaan negeri menjelaskan, lawatan Perdana Menteri hanyalah lawatan biasa khususnya terhadap projek - projek pembangunan Sabah. "Beliau adalah Perdana Menteri dan beliau boleh melawat ke mana saja termasuk Sabah dan Sarawak," tambahnya. Kali terakhir Perdana Menteri melawat Sabah adalah pada bulan Januari tahun lalu.